

Jangan cadang hapus sistem beraja — PM

Mn.M. 10 JAN 1993

KUALA LUMPUR 9 Jan. — Tidak ada seorangpun rakyat negara ini dibenarkan membuat cadangan supaya sistem beraja dihapuskan, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau menegaskan, walaupun pindaan Perlembagaan Persekutuan

yang akan dibuat tidak lama lagi membenarkan ahli-ahli Parlimen membahaskan isu berkaitan raja di Dewan Rakyat tetapi mereka tidak dibenarkan sama sekali membuat cadangan untuk menghapuskan sistem tersebut.

"Tindakan akan diambil di bawah Undang-

Undang Hasutan (Akta Hasutan) jika terdapat ahli Parlimen yang membuat cadangan untuk menghapuskan sistem beraja," kata Dr. Mahathir.

Pindaan Perlembagaan Persekutuan yang memasukkan peruntukan ini mengukuhkan lagi pegangan UMNO bahawa parti itu dan kerajaan

tidak berhasrat untuk menghapuskan sistem beraja dalam usahanya menghapuskan imuniti raja di sisi undang-undang.

Bercakap kepada para pemberita selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Ibu Pejabat UMNO di sini, beliau memberitahu, an-

LIHAT MUKA 6

JANGAN CADANG HAPUS SISTEM BERAJA — PM

Perkara ini pindaan perlembagaan bagi menghapuskan imuniti raja ialah menghapuskan peruntukan yang menghalang soal keistimewaan raja-raja dibahaskan oleh ahli-ahli Parlimen.

"Apabila pindaan Perlembagaan Persekutuan dibuat kelak, ahli-ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri boleh membahaskan apa saja isu yang boleh ditakrif sebagai perkara yang memburuk-burukkan raja.

"Pindaan ini dibuat supaya wakil rakyat dapat membuat teguran bertujuan untuk menyelamatkan institusi raja. Malah apa yang dibahaskan oleh mereka mengenai isu ini dibenarkan disiarkan dalam media massa.

"Bagaimanapun, dalam pindaan itu kita akan

tentukan bahawa sebarang cadangan untuk menghapuskan raja-raja atau sistem beraja tidak dibenarkan," kata Perdana Menteri.

Mesyuarat khas MT UMNO itu berlangsung selama lebih tiga jam. Semua ahli MT hadir termasuk Timbalan Presiden, Abdul Ghafar Baba dan tiga Naib Presiden iaitu Dato' Sri Anwar Ibrahim, Dato' Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Sri Sanusi Junid. Turut hadir ialah Ketua Pergerakan Pemuda, Dato' Sri Najib Tun Razak dan Ketua Pergerakan Wanita, Dato' Sri Rafidah Aziz.

Mesyuarat tamat pada pukul 12.40 tengah hari, kira-kira dua jam sebelum wakil-wakil UMNO yang diketuai oleh Dr. Mahathir mengadakan mesyuarat tidak rasmi

dengan raja-raja Melayu di Istana Negara bagi membincangkan draf pindaan perlembagaan.

Dr. Mahathir berkata, draf pindaan Perlembagaan Persekutuan akan diserahkan kepada raja-raja Melayu pada mesyuarat tidak rasmi itu untuk membolehkan raja-raja mengkajinya sebelum Persidangan Majlis Raja-Raja diadakan pada 16 Januari depan.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata, apabila pindaan perlembagaan itu dipersetujui kelak, raja-raja akan terus dilindungi daripada pendakwaan di mahkamah dalam kes-kes di mana baginda menjalankan tugas rasmi kerajaan selaku Sultan atau Yang di-Pertuan Agong.